



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	2/6/2017	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kuala Pilah

Hidup tak tenteram monyet selongkar rumah

Kehidupan harian penduduk di Kampung Batu 46 di sini, bertukar suram kerana kerap diganggu kumpulan monyet yang mencero boh rumah dan menyelongkar makanan.

Gangguan sejak dua minggu lalu turut menyebabkan penduduk ketakutan kerana ada antara monyet terbabit bertindak agresif jika dihalau.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Aminah, 50-an, berkata, dia tidak tahu dari mana monyet ini datang kerana ada kalanya, haiwan terbabit datang secara berkumpulan atau antara dua hingga tiga ekor pada masa tertentu.

“Monyet ini sering menyelongkar makanan. Bukan itu saja, apabila dihalau, monyet ini bertindak agresif seperti mahu menyerang. Bagaimanapun, hingga kini, belum ada lagi kes penduduk



Rahu Dania ► KuaLa PiLaH GRoup

10 hrs • 🌐

Asalamualaikum .. mohon pertolongan ..

Kera semakin menganas .. 1 hari sampai 5/6kali masuk dlm rmh .. abis makanan kera bawa lari .. dan brg2 lain termasuk mkanan .. bertaburan di dapur rmh .. kera dh pandai buka almari dan peti ais .. amat merisaukn kera ni garang2 .. dtg bkumpulan .. sy ada ank dan jiran pun ada bayi kecil .. mohon sgt2 .. kpd siapa yg perlu di laporkan ..

Mohon bantuan kpd yg bwajib

diserang monyet,” katanya. Menurut Aminah, akibat gangguan itu, dia terpaksa menyembunyikan makanan. “Sebelum ini, makanan diletak di atas meja namun kini, ia disimpan dalam

almari atau di tempat tersorok,” katanya.

Menurut Aminah, pihak berkaitan perlu mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah monyet liar yang berkeliaran itu.